

# Rawatan SLE

## Ubat-ubatan

Empat kategori ubat diberikan kepada pesakit SLE mengikut kesesuaian.

↑ **Non steroidal anti inflammatory drugs (NSAIDs)**

Melegakan sakit otot dan radang sendi.

↑ **Ubat antimalaria**

Mengatasi masalah kulit dan sakit sendi

Contoh: chloroquine dan hydroxychloroquine.

↑ **Steroid**

Membantu mengurangkan radang dan tindak balas sistem pertahanan tubuh.

↑ **Imunosupresif**

Membantu mengurangkan radang dan tindak balas sistem pertahanan tubuh.

*Selain ubat-ubatan, pesakit SLE juga perlu menjalani rawatan ke atas penyakit yang menyerang organ mereka.*

# Panduan Untuk Pesakit SLE

## Diet

↑ Kenali makanan yang sesuai dengan sistem pertahanan tubuh masing-masing.

↑ Makan makanan seimbang dan berkhasiat.



## Senaman

↑ Senaman membantu memperbaiki pergerakan sendi.

↑ Elakkan dari melakukan senaman lasak.



## Stres

↑ Elakkan stres kerana ia boleh menyebabkan penyakit ini menjadi aktif.

↑ Sentiasa berfikiran positif.

## Perlindungan kulit

↑ Memakai pelindung matahari SPF • 45.

↑ Menggunakan payung, topi atau baju lengan panjang bagi mengelakkan terkena pancaran matahari.

↑ Memakai kaca mata hitam.

## Ubat-ubatan

↑ Makan ubat mengikut arahan doktor.

↑ Jangan sesekali berhenti makan ubat tanpa arahan doktor.

↑ Jangan makan ubat hospital bersama ubat-ubat lain, dikuatiri interaksi antara ubat boleh berlaku.

## Rawatan susulan

↑ Patuhi jadual susulan yang ditetapkan.

*Pengesanan Awal SLE boleh mengelakkan maut*

# Sistemik

# Lupus

# Eritematosus



Terbitan  
Bahagian Pendidikan Kesihatan  
dengan kerjasama  
Persatuan SLE Malaysia





# Sistemik Lupus Eritematosus (SLE)

Merupakan satu penyakit kronik yang berlaku akibat kecelaruan sistem pertahanan tubuh (auto imun).

Sistem pertahanan tubuh merupakan rangkaian sel dan organ yang bertindak melindungi tubuh daripada serangan benda-benda asing. Sistem pertahanan tubuh akan menghasilkan antibodi apabila ia mengesan organisma yang masuk ke dalam tubuh. Antibodi ini akan bertindak mempertahankan tubuh daripada serangan jangkitan organisme berkenaan.

Walau bagaimanapun, bagi seorang pesakit SLE, antibodi yang terhasil telah bertindak menyerang sel-sel tubuh sendiri. Kecelaruan sistem pertahanan tubuh ini menyebabkan penghidapnya terpaksa berdepan dengan gejala yang berbeza-beza.

## Jenis-jenis Penyakit Lupus

### 1) Discoid Lupus Eritematosus (DLE)

- ↑ Melibatkan kulit sahaja
- ↑ Tidak melarat ke organ tubuh yang lain



### 2) Sistemik Lupus Eritematosus (SLE)

- ↑ Boleh merebak ke organ-organ lain
- ↑ Boleh membawa maut

## Perangkaan

- ↑ Penghidap SLE lebih ramai di kalangan wanita berbanding lelaki dengan nisbah 9 : 1
- ↑ 10 % pesakit SLE terdiri daripada lelaki dan kanak-kanak.
- ↑ Kebanyakan wanita yang menghidap SLE berada dalam lingkungan umur 15 - 50 tahun.

## Punca Berlakunya SLE

Masih tidak diketahui. Namun ada beberapa teori yang dikaitkan dengan SLE seperti:

- ↑ Jangkitan virus
- ↑ Hormon
- ↑ Faktor persekitaran
- ↑ Keturunan.

## Tanda dan Gejala

Anda mungkin menghidap SLE jika mengalami gejala berikut:

- ↑ Sakit pada sendi
- ↑ Demam berlarutan
- ↑ Keletihan
- ↑ Ruam-ruam pada kulit muka dan badan
- ↑ Anemia
- ↑ Sensitif pada cahaya matahari
- ↑ Ulser mulut
- ↑ Keguguran rambut



## Diagnosa

Penghidap SLE mengalami gejala yang berbeza antara satu sama lain.

Pesakit akan disahkan sebagai penghidap SLE berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh American College of Rheumatology (ACR).

Seseorang boleh dikategorikan sebagai penghidap SLE sekiranya mereka mengalami 4 daripada 11 kriteria yang disenaraikan.

### A. Kulit

- ↑ Kulit muka menjadi merah apabila terdedah pada cahaya matahari (photosensitivity)
- ↑ Discoid rash - ruam pada kulit sahaja
- ↑ Ulser mulut
- ↑ Malar rash



### B. Organ

- Kegagalan fungsi buah pinggang
- Masalah pada sistem saraf seperti strok, psikosis dan radang saraf
- Sakit sendi (arthritis)
- Radang pada lapisan jantung atau paru-paru (serositis)



### C. Ujian Makmal

- ↑ Keputusan ujian imunologi dan sistem pendarahan yang abnormal.
- ↑ Ujian antibodi nuclear factor (ANF). Dianggarkan 95 % penghidap SLE mempunyai ANF positif.

